



laporan tahunan

2023

tahunan
laporan
2013

SIDANG REDAKSI

Penasihat	YBhg. Datuk Mohd. Fadzil Bin Hj. Mohd. Khir
Ketua Editor	Cik Rohani Binti Md. Hashim
Ahli	YBhg. Datin Nooraini Binti Hj. Ismail En. Abu Bakar Bin Mat Pn. Wardiyah Binti Senik @ Abdul Mokhti Md Farabi Yussoff bin Md Yussoff Pn. Roszilawati Binti Nor Aziz Pn. Fauziah Binti Abd. Jalil En. Mazlan bin Mohd Pn. Norshahila Binti Mohyidin Pn. Norhana Binti Mohd Nor Cik Hazlina Binti Izham
Pereka Grafik	Siti Mazlina Binti Jusoh
Jurugambar	Raja Dhiyauddin bin Raja Aziz Azizi bin Sabu Clement Matthew Adi Hafiz Bin Che Ani

KANDUNGAN

8	Perutusan Ketua Pengarah
12	Pengurusan Tertinggi
32	Komponen Pengurusan - Strategi Korporat - Struktur Organisasi - Pengurusan Kewangan - Pengurusan Sumber Manusia - Pembangunan Teknologi Maklumat - Pengurusan Kualiti dan Pelan Strategik JPBD - Inovasi
88	Perkhidmatan Teras - Rancangan Fizikal Negara - Rancangan Wilayah - Rancangan Struktur - Rancangan Tempatan - Rancangan Kawasan Khas - Laporan Penilaian Program - Publisiti dan Hebah - Kajian Prosedur dan Sebaran - Program <i>Expert Talk</i> dan <i>Teach In</i> - Program NKRA Bandar Selamat
132	Pengurusan Pelanggan - Kajian Kepuasan Pelanggan - Program Hari Bersama Pelanggan - Lawatan Delegasi Dalam dan Luar Negara
144	Pencapaian dan Pengiktirafan
150	Aktiviti Jabatan
184	Penerbitan Jabatan

SEJARAH

2

PERANCANGAN BANDAR DI TANAH MELAYU SEBELUM ABAD KE 19

Tahun 1801 – Penubuhan Jawatankuasa Penilai (*Committee of Assessors*) di Pulau Pinang bagi menjalankan perkhidmatan awal perancang bandar. Telah menyusun atur bandar kepada keadaan yang paling sesuai untuk keperluan penduduk.

Merupakan rekod – rekod terawal untuk memperkenalkan aktiviti perancangan bandar di negara ini.

KEPERLUAN PERKHIDMATAN BANDAR DI AWAL ABAD KE 19

Tahun 1912 – W.F. Nutt memohon Majlis Persekutuan (*Federal Council*) Negeri – Negeri Melayu Bersekutu (F.M.S) mengambil tindakan terhadap pembangunan dan perluasan perbandaran yang tidak terancang.

Tahun 1913 – Satu perundangan perancangan Bandar disediakan untuk Kuala Lumpur supaya bandar tersebut dapat disusunaturkan mengikut kawasan perkedaian dan aktiviti-aktiviti lain (*Federal Council*, 1913). E.L. Brockman

(*Chief Secretary*) telah mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Perancang Bandar yang berkuatkuasa bagi kawasan Kuala Lumpur dengan bertujuan untuk menjalankan perkhidmatan perancangan bandar. Ia mengambil masa selama lapan (8) tahun untuk jabatan perancang di tubuhkan.

DETIK PERMULAAN PERANCANGAN BANDAR SECARA FORMAL

3 September 1920 – Kerajaan British di Tanah Melayu memohon supaya *Government Town Planner*, Charles Reade dari Kerajaan Australia Selatan datang ke Tanah Melayu untuk memberi nasihat mengenai perancangan bandar di Negeri – Negeri Melayu Bersekutu.

18 Januari 1921 – Pejabat pertama terletak di Bangunan Sekretariat, Kuala Lumpur.

Dari 1921 hingga 1927 Reade telah dibantu oleh pegawai-pegawai Juru Ukur dan Jurutera Awam yang dipinjam dari Jabatan Ukur dan Jabatan Kerja Raya. Pegawai Tadbir dari Pejabat Tanah juga telah dilibatkan dalam mentadbir aktiviti perancangan semula dan agihan lot

sebagai *Town Planning Administrator*.

Tahun 1923 – Penggubalan Enakmen Perancangan Bandar (1923) yang pertama yang memperkenalkan *General Town Plans* dan menjalankan aktiviti penyusunan semula lot-lot (*replanning and redistribution*) di Kuala Lumpur dan di beberapa pekan di Negeri – Negeri Melayu Bersekutu. Susun atur bandar baru pertama telah disediakan di Kuala Kubu Bharu pada tahun 1924 bagi menempatkan semula pekan lama di Ampang Pechah yang sering dilanda banjir. Enakmen Perancang Bandar (1927) yang kedua telah digubal menggantikan Enakmen 1923 di mana Jawatankuasa Perancang Bandar telah dimansuhkan dan aktiviti perancangan telah diperkukuhkan dan Pesuruhjaya Perancang Bandar dilantik bagi menasihati *Sanitary Board*. Pada penghujung tahun 1929, Jabatan telah mempunyai lima pegawai perancang bertauliah dari Britain dan ditempatkan di Negeri – Negeri Melayu Bersekutu. Dengan persaraan Reade pada 1929, R.P Davis menjadi ketua jabatan.

Tahun 1933 – Khidmat perancangan berpusat di Kuala Lumpur di mana tugas – tugas perancangan hanya meliputi Negeri – Negeri Melayu Bersekutu kerana iklim

ekonomi yang buruk.

PERKHIDMATAN PERANCANGAN BANDAR DI NEGERI – NEGERI MELAYU BERSEKUTU SEWAKTU PERANG DUNIA KEDUA.

Tahun 1941, Jabatan terpaksa ditutup akibat Perang Dunia Kedua dan dibuka semula di bawah pentadbiran Jepun.

Dibuka semula pada 3 Mei 1944 sebagai sebahagian daripada Jabatan Kerja Raya sehingga T.H.H. Hancock seorang Arkitek dan Juru rancang, tiba pada September 1946.

SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA

Selepas tamatnya perang dunia kedua, aktiviti jabatan diperluaskan merangkumi kawasan – kawasan Lembaga Bandaran dan Majlis Bandaran di dalam Malayan Union dan jawtan pegawai perancang dikenali sebagai Pegawai Perancang Bandar *Malayan Union*, Selepas T.H.H. Hancock, T.A.L Concannon telah mengambil alih dan di antara tahun 1955 hingga 1956, beliau telah menubuhkan tiga pejabat wilayah iaitu di Johor Bahru, Ipoh dan di Pulau Pinang. Pejabat di

Kuala Lumpur kekal sebagai Ibu Pejabat di samping menjalankan tugas – tugas perancangan bagi Negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.

Pelan susun atur perumahan FELDA dan Bandar Baru Petaling Jaya diletak di bawah penyeliaan T.A.L Concannon sehingga seorang jurutera kanan diperolehi pada penghujung tahun 1954 iaitu Francis McWilliams (yang kemudiannya menjadi Datuk Bandar London dari 1992 – 1993)

SELEPAS MERDEKA

Sistem perkhidmatan perancangan telah dijalankan berdasar kepada dua peringkat iaitu Persekutuan dan Negeri di bawah "senarai bersama" (*concurrent list*) Perlembagaan Persekutuan. Selaras dengan ini, organisasi jabatan telah disusun semula dengan mengadakan pejabat – pejabat di peringkat negeri di seluruh Semenanjung Malaysia. Ini telah dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 1958. YBhg. Dato' Rosli Buyong anak tempatan pertama menjadi Ketua Pengarah pada tahun 1970. Unit Landskap ditubuhkan pada tahun 1981 (kemudian menjadi Jabatan Landskap Negara pada tahun 1996).





Charles Compton Reade
1921 - 1929



Walter Fairbanks
1960 - 1965



Chung Weng Foo
1985 - 1986



Dato' Wan Mohamad Mukhtar
bin Mohd. Noor
2001 - 2003

Richard Pritchard Davis
1928 - 1949



Frank Watkinson
1965 - 1969



Dato' (Dr) Mohamed Ishak
bin Haji Mohd. Ariff
1986 - 1993



Dato' Abdul Mutallib
bin Jelani
2003 - 2005



T.A.L. Concannon
1950 - 1960



Dato' Haji Mohd. Rosli
bin Haji Buyong
1969 - 1985



Dato' (Prof) Zainuddin
bin Muhammad
1993 - 2001



Datuk Mohd. Fadzi
bin Haji Mohd. Khir
2005 - Sekarang





JPBD KINI

Pada masa kini, terdapat lapan (8) bahagian dan tiga (3) unit di JPBD Semenanjung Malaysia iaitu:

- | | | |
|---|-----------------------------------|--|
| 1. Bahagian Rancangan Fizikal Negara | 6. Bahagian Rancangan Pembangunan | 7. Bahagian Maklumat Guna tanah Negara |
| 2. Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan | - Unit Penyelarasan Projek | 8. Bahagian Khidmat Pengurusan |
| 3. Bahagian Perancangan Wilayah | - Pejabat Projek Zon Utara | 9. Unit Khas NKRA Bandar Selamat |
| 4. Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan | - Pejabat Projek Zon Tengah | 10. Unit Audit Dalam |
| 5. Bahagian Korporat | - Pejabat Projek Zon Selatan | 11. Unit Undang- Undang |
| | - Pejabat Projek Zon Timur | |

PERUTUSAN



PERUTUSAN KETUA PENGARAH

10

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi atas rahmat dan izinNya Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia dapat menerbitkan Laporan Tahunan 2013. Saya merakamkan terima kasih di atas kerjasama dan komitmen semua lapisan pegawai Jabatan yang bersama-sama memberi *input*, idea dan usaha dalam menjayakan penerbitan laporan ini.

Selaras dengan wawasan Negara, penumpuan terhadap KESEJAHTERAAN BANDAR menjadi teras dan halatuju Jabatan bagi mewujudkan persekitaran hidup yang berkualiti, sejahtera dan mampan bagi semua lapisan masyarakat. Oleh itu melalui Visi Jabatan menjelang 2020, penekanan perlu diberikan terhadap aspek *human centred* untuk memperkasakan dan menghasilkan nilai kesejahteraan secara bersepadu dalam aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar selari dengan pembangunan mampan. Fokus penyediaan rancangan

pembangunan negara kini mengambil pendekatan *touch point* kepada rakyat dalam pelaksanaannya.


Selain daripada itu, kolaborasi dan kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan di pelbagai peringkat dilaksanakan dalam usaha menyesuaikan kaedah-kaedah penyediaan rancangan pembangunan di masa hadapan.

Penerbitan Laporan Tahunan Jabatan merupakan satu usaha yang sangat penting dalam melebarluaskan aktiviti dan maklumat penting serta pencapaiannya. Laporan ini akan menjadi dokumen dan sumber rujukan yang sangat berharga bagi Jabatan ini.

Dengan ini, sama-samalah kita berusaha dan memberi komitmen yang jitu dalam kesungguhan merealisasikan Visi dan Misi Jabatan.


DATUK MOHD. FADZIL BIN HAJI MOHD. KHIR

Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia



"SELARAS DENGAN WAWASAN NEGARA, PENUMPUAN TERHADAP KESEJAHTERAAN BANDAR MENJADI TERAS DAN HALATUJU JABATAN BAGI MEWUJUDKAN PERSEKITARAN HIDUP YANG BERKUALITI, SEJAHTERA DAN MAMPAN BAGI SEMUA LAPISAN MASYARAKAT"

PENGURUSAN TERTINGGI





DATUK MOHD. FADZIL BIN HAJI MOHD. KHIR

KETUA PENGARAH

Dilahirkan pada 26 Februari 1954 di Telok Air Tawar, Pulau Pinang. Berkelulusan Ijazah Perancangan Bandar dan Wilayah, dari Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 1979, seterusnya *Certificate in Development Planning – Urban Land Policy and Management* dari *University of College London, United Kingdom* pada tahun 1991 dan *Certificate in City Planning II – Japan International Cooperation Agency* Tokyo, Jepun pada tahun 1999.

YBhg. Datuk Mohd. Fadzil bin Haji Mohd. Khir telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan selama 35 tahun bermula pada 2 Jun 1979 sebagai Penolong Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah. Seterusnya ke Ibu Pejabat sebagai Penolong Pengarah Tingkatan Kanan di Bahagian Luar Bandar, dari tahun 1982 hingga 1983, kemudian, di Bahagian Kawasan, pada tahun 1983 hingga 1984.

Kerjayanya terus menyinar dengan jawatan Pengarah di JPBD Negeri Kedah (1985-1992), Negeri Melaka (1992-1997), dan Negeri Terengganu (1997-2001). Bermula 1 September 2001, YBhg. Datuk Mohd. Fadzil memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), seterusnya sebagai Timbalan Ketua Pengarah II pada tahun 2003 dan menyandang jawatan Timbalan Ketua Pengarah I pada tahun 2003 hingga 2005. Bermula pada Mac 2005, beliau di puncak kegemilangan menerajui JPBD Semenanjung Malaysia sebagai Ketua Pengarah.

Di atas sumbangan dan jasa bakti yang dicurahkan kepada Jabatan dan Negara, YBhg. Datuk Mohd. Fadzil telah dikurniakan Darjah Kebesaran Bintang Cemerlang Kedah (BCK) pada tahun 1989, Ahli Mahkota Kedah (AMK) pada tahun 1992, Bintang Cemerlang Melaka (BCM) pada tahun 1995, Ahli Setia Sultan Mahmud

Terengganu (ASM) pada tahun 2002, Dato' Setia Di Raja Kedah (D.S.D.K) yang membawa gelaran Dato' pada tahun 2005, dan Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara (PJN) yang membawa gelaran Datuk pada tahun 2013.

Beliau diberi penghormatan sebagai Penaung Persatuan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Malaysia, Pengerusi Lembaga Perancang Bandar Malaysia (1.3.2009- 28.2.2014), Penaung Kelab Sukan dan Kebajikan. JPBD Semenanjung Malaysia, Ahli Lembaga Pengajian Program Sarjana Fakulti Alam Bina, UTM, Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Hang Tuah Jaya (mulai 1 Jun 2005 hingga kini), Ahli Fellow Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) mulai November 2005, Ahli Majlis Warisan Kebangsaan Malaysia dan Profesor Tamu Universiti Teknologi Malaysia.

TIMBALAN KETUA PENGARAH PERANCANGAN

16



EN. KAMALRUDDIN BIN SHAMSUDIN


TIMBALAN KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN



DR. DAHLIA BINTI ROSLY

CARTA ORGANISASI 2013

18



**TIMBALAN KETUA PENGARAH
PEMBANGUNAN
(JUSA B)**

BAHAGIAN PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN
(JUSA C)

BAHAGIAN PERUNDANGAN & KAWAL SELIA
PERANCANGAN
(J54)

BAHAGIAN MAKLUMAT GUNATANAH NEGARA
(J54)

JPBD NEGERI

JOHOR
(JUSA C)

PERAK
(JUSA C)

PAHANG
(JUSA C)

PULAU PINANG
(JUSA C)

SELANGOR
(JUSA C)

KEDAH
(J54)

TERENGGANU
(J54)

MELAKA
(J54)

KELANTAN
(J54)

NEGERI SEMBILAN
(J54)

PERLIS
(J48)

PENGARAH BAHAGIAN

20



CIK ROKIBAH BINTI ABDUL LATIF
Pengarah
Bahagian Rancangan Fizikal Negara



PN. ZALEHA BINTI SHAARI
Pengarah
Bahagian Perancangan Wilayah



CIK ROHANI BINTI MD. HASHIM
 Pengarah
 Bahagian Korporat



TN. HJ. AHMAD BIN ABDULLAH
 Pengarah
 Bahagian Perundangan dan
 Kawal Selia Perancangan

PENGARAH BAHAGIAN

22



TN. HJ. ZAINI BIN ISHAK
Pengarah
Pejabat Projek Zon Utara



TN. HJ. MD. ISA BIN JAAFAR
Pengarah
Pejabat Projek Zon Selatan



PN. ALIMAH BINTI MOHD SURI

Pengarah
Pejabat Projek Zon Timur



EN. OMAR BIN JAMALUDDIN

Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan

PENGARAH BAHAGIAN

24



PN. HARIZAH BINTI DATO' HASSAN
Ketua Unit
Unit Penyelarasan Projek



PN. HAZIZAH BINTI SULAIMAN
Pengarah
Bahagian Perancangan Wilayah
(Menanggung)



EN. ABBAS BIN HAJI ABDUL WAHAB
 Pengarah
 Bahagian Maklumat Gunatanah Negara
 (Menanggung)



PN. KALSOM BINTI YOP MOHD. KASIM
 Pengarah
 Pejabat Projek Zon Tengah
 (Menanggung)

PENGARAH NEGERI

26



DATO' DR. DOLBANI BIN MIJAN

Pengarah JPBD Perak



DATO' ZAINON BINTI AHMAD
Pengarah JPBD Pahang



TN. HJ. ZAINUDDIN BIN AHMAD
Pengarah JPBD Pulau Pinang

PENGARAH NEGERI

28



TN. HJ. MOHD ZAKI BIN IBRAHIM
Pengarah JPBD Selangor



TN. HJ. NORAN BIN SHARIF
Pengarah JPBD Kedah



TN. HJ. MOHD ANUAR BIN MAIDIN
Pengarah JPBD Terengganu



EN. ABDUL JAMIL BIN ARSHAD
Pengarah JPBD Melaka

PENGARAH NEGERI

30



TN. HJ. MOHAMED FAUZI BIN HJ. ZAIN
Pengarah JPBD Kelantan



PN. KAMARIAH BINTI IBRAHIM
Pengarah JPBD Negeri Sembilan




EN. KHAIRULZAMAN BIN IBRAHIM
Pengarah JPBD Perlis



EN. ABDULHAN BIN ABDUL LAMIT
Pengarah JPBD Johor
(Menanggung)

KOMPONEN PENGURUSAN



STRATEGI KORPORAT

34 VISI

Menjadi peneraju perancangan bandar dan desa ke arah mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti, sejahtera dan mampan menjelang 2020.

MISI

Memacu perancangan fizikal negara melalui pelaksanaan dan pemantauan perancangan pembangunan yang komprehensif, sistematik dan inovatif ke arah kesejahteraan masyarakat.

DASAR KUALITI

Menjadikan Jabatan sebagai pusat bagi perkhidmatan perancangan bandar dan desa yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

MOTO

‘Bersama Mewujudkan Persekitaran Mampan’



OBJEKTIF

36

- i. Untuk mengukuhkan sistem pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi di kawasan bandar dan desa bagi meningkatkan taraf kehidupan selaras dengan matlamat negara;
- ii. Untuk mengatur, mengawal dan menyelaraskan pemajuan, penggunaan dan pemuliharaan tanah melalui pelaksanaan berkesan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan akta-akta berkaitan;
- iii. Untuk menggubal dan melaksanakan kaedah, dasar, pelan dan garis panduan perancangan serta memastikan pemakaian yang berkesan oleh semua agensi di peringkat perancangan; dan
- iv. Untuk memastikan perkhidmatan perancangan bandar dan sistem maklumat yang berkualiti bagi keperluan perancangan jangka panjang.



FUNGSI

38 PERINGKAT PERSEKUTUAN

- Memberi nasihat kepada Kerajaan Persekutuan dalam hal yang berkaitan dengan pemajuan dan penggunaan tanah;
- Bertindak sebagai urus setia kepada Majlis Perancang Fizikal Negara yang dibentuk di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172);
- Menggalakkan sistem perancangan yang komprehensif, efektif dan efisien melalui undang-undang perancangan, metodologi perancangan, kajian perancangan, piawaian, prosedur dan kaedah-kaedah perancangan;
- Menterjemahkan dasar sosio ekonomi nasional kepada bentuk fizikal dan spatial mengikut formula guna tanah dan dasar serta program petempatan;
- Membantu kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi kerajaan dalam penyediaan rancangan struktur, rancangan tempatan dan rancangan kawasan khas; dan
- Menyelia, mengemaskini dan menerbitkan perangkaan, buletin dan kaedah yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa.

PERINGKAT NEGERI

- Memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri dalam semua hal perancangan, termasuk pemajuan dan penggunaan tanah dan bangunan;
- Berfungsi sebagai Setiausaha bagi Jawatankuasa Perancang Negeri yang ditubuhkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172);
- Menasihati pihak berkuasa tempatan berhubung dasar dan kawalan perancangan tanah dan bangunan;
- Mengawal pembangunan dalam negeri termasuklah kelulusan dan kawal selia ke atas pelaksanaan rancangan pemajuan;
- Membantu dalam penyediaan pelan susun atur bagi projek khas yang dikendalikan Kerajaan Negeri; dan
- Mengendalikan kajian dan penyelidikan berkenaan penggunaan dan pembangunan tanah.

BAGI MEMASTIKAN PERANCANGAN KEGUNAAN, PEMBANGUNAN DAN PEMELIHARAAN TANAH YANG SEMPURNA, JPBD MEMAINKAN PERANAN MELALUI FUNGSI-FUNGSIONYA DI TIGA PERINGKAT KERAJAAN IAITU PERINGKAT PERSEKUTUAN, NEGERI DAN TEMPATAN.

PERINGKAT TEMPATAN

- Mengawal selia, mengawal dan merancang pemajuan dan penggunaan tanah dan bangunan dalam kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT);
- Mengendalikan, membantu dan menggalakkan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan perancangan bandar dan desa serta kaedahnya; dan
- Melaksanakan apa-apa fungsi lain yang dipertanggungjawabkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) atau Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) dari semasa ke semasa.





PIAGAM PELANGGAN

KOMITMEN KAMI :

Menjadi peneraju perancangan bandar dan desa ke arah mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti, sejahtera dan mampan menjelang 2020.

Memacu perancangan fizikal negara melalui pelaksanaan dan pemantauan perancangan pembangunan yang komprehensif, sistematik dan inovatif ke arah kesejahteraan masyarakat

UNTUK MENCAPAINYA, KAMI AKAN

Menyediakan Rancangan Wilayah
Dalam Tempoh 12 Bulan

Menyediakan Rancangan Kawasan Khas
Dalam Tempoh Tiga (3) Hingga Enam (6) Bulan

Menyediakan Garis Panduan Perancangan
Dalam Tempoh 12 Bulan

Menyediakan Panduan Pelaksanaan Akta 172
Dalam Tempoh 12 Bulan

Mengadakan Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara
Tiga (3) Kali Setahun

Mengemaskini Pangkalan Data Maklumat Guna Tanah
Dua (2) Kali Setahun

MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN

Jayakan Perkhidmatan Berkualiti dan Dinamik



BUDAYA KERJA 10K

1 KETAQWAAN

Taat perintah Allah dan bekerja sebagai satu amalan ibadat.

2 KOMITMEN

Menjalankan tugas-tugas dengan penuh iltizam bagi mencapai objektif dan wawasan Jabatan.

3 KEINDAHAN

Cinta kepada keindahan rohani dan fizikal dalam amalan perancangan.

4 KONSISTENSI

Melaksanakan tugas-tugas secara konsisten bagi mencapai kecekapan dan kredibiliti Jabatan.

5 KESOPANAN

Mengamalkan sifat hormat-menghormati, toleransi dan muafakat bagi mewujudkan organisasi yang mesra di kalangan kakitangan dan pelanggan.

6 KEMESRAAN

Mewujudkan suasana kemesraan dan kekeluargaan di kalangan semua lapisan pegawai.

7 KEBOLEHPERCAYAAN

Amanah dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan.

8 KECEMERLANGAN

Sentiasa berusaha untuk menjadikan Jabatan sebagai Pusat Kecemerlangan dalam perkhidmatan perancangan bandar dan desa.

9 KREATIVITI & INOVASI

Melahirkan idea-idea yang kreatif dan berinovasi.

10 KESEGERAAN

Sentiasa peka, responsif dan cepat dalam mencari penyelesaian.

OBJEKTIF BAHAGIAN

44

Struktur Organisasi Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dibahagikan kepada dua (2) peringkat iaitu:

- Peringkat Persekutuan; dan
- Peringkat Negeri

PERINGKAT PERSEKUTUAN

Di peringkat ini JPBD Semenanjung Malaysia diterajui oleh lapan (8) Bahagian:

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian Khidmat Pengurusan terdiri daripada empat (4) seksyen dengan objektif seperti berikut:

i. SEKSYEN PENTADBIRAN

Menguruskan hal ehwal pentadbiran am dengan cekap, tepat dan berkualiti dengan mematuhi prosedur, peraturan-peraturan dalam arahan perkhidmatan dan pekelliling yang sedang berkuatkuasa.

ii. SEKSYEN KEWANGAN

Menguruskan sumber kewangan Jabatan dengan cekap dan berkesan mengikut peraturan-peraturan dan pekeliiling-pekeliiling yang telah ditetapkan termasuklah:

- a. Memastikan segala unsur perbelanjaan dilakukan secara teratur, berhemah dan berkesan;
- b. Memastikan pembayaran dilakukan mengikut jadual masa yang ditetapkan dengan cekap;
- c. Memastikan pembayaran yang dibuat kepada individu/ agensi-agensi lain di sektor awam dan swasta dilakukan dalam tempoh masa yang ditetapkan; dan
- d. Mengawal selia rekod-rekod pembayaran mengikut peraturan-peraturan kewangan yang diguna pakai.

iii. SEKSYEN SUMBER MANUSIA

Mewujudkan satu pencapaian tahap kemahiran, kepakaran dan profesionalisme yang cemerlang kepada semua lapisan pegawai di dalam perkhidmatan perancangan bandar dan desa melalui program latihan yang bersepadu dan komprehensif.

iv. SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT

- a. Memastikan pembangunan projek ICT selaras dengan objektif Jabatan dan sektor awam;
- b. Memastikan keselamatan ICT selaras dengan Dasar Keselamatan ICT Sektor Awam; dan
- c. Memastikan perolehan ICT selaras dengan Pekeliiling Perolehan ICT Sektor Awam.

46 BAHAGIAN KORPORAT

- i. Menyedia dan memantau pelaksanaan Pelan Strategik Jabatan (PSJ) yang berdayalaksana dan mencapai Visi dan Misi Jabatan;
- ii. Menyelaras dan memantau sistem pengurusan kualiti Jabatan dan pencapaian prestasi KPI Jabatan yang ditetapkan;
- iii. Merangka program penyebaran maklumat Jabatan bagi meningkatkan pemahaman awam terhadap perkhidmatan Jabatan serta pengendalian aduan awam;
- iv. Menyelaras program pengantarabangsaan dan kerjasama strategik Jabatan bagi tujuan peningkatan profesionalisme perkhidmatan; dan
- v. Menjalankan tugas keurusetiaan mesyuarat utama Jabatan dan penyelarasan maklum balas Parlimen serta mesyuarat Kementerian lain menepati tempoh yang ditetapkan.

UNIT AUDIT DALAM

Membantu pihak pengurusan JPBD mencapai matlamat yang telah ditetapkan melalui pendekatan yang sistematik dan keberkesanan proses kawalan serta tadbir urus terutama dalam aspek pengurusan kewangan dan pematuhan kepada peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan.

UNIT UNDANG-UNDANG

Memberi perkhidmatan dan nasihat perundangan yang berkualiti selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Malaysia yang dijadikan asas dalam sistem perancangan fizikal negara.

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

- i. Menyediakan kajian penyelidikan/garis panduan perancangan selaras dengan dasar pembangunan negara, prinsip perancangan dan amalan terbaik (best practices) di dalam dan luar negara;
- ii. Menyediakan kajian penyelidikan/garis panduan perancangan merangkumi :
 - a. Penilaian dasar dan penyelidikan antarabangsa,
 - b. Perancangan guna tanah serta komponennya,
 - c. Perancangan alam sekitar dan pengurusan risiko,
 - d. Morfologi, reka bentuk dan warisan bandar,
 - e. Metodologi dan teknik perancangan,
 - f. Pembangunan mampan.
- iii. Memastikan kajian penyelidikan perancangan menggunakan pendekatan terkini, saintifik, kreatif, inovatif dan praktikal;
- iv. Mengkaji semula garis panduan perancangan bagi menyesuaikan dengan perubahan dasar dan keperluan semasa;
- v. Memberi *input* kepakaran kepada bahagian-bahagian lain dalam jabatan dan agensi atau pihak lain yang berkepentingan;
- vi. Mewujudkan kolaborasi dan perkongsian pintar dengan institusi pengajian tinggi, penyelidikan dan badan ikhtisas dalam dan luar negara;
- vii. Mengadakan sesi *teach-in*, *expert talk*, forum, rundingan meja bulat, seminar, bengkel dan sebagainya berkaitan dengan penyelidikan perancangan; dan
- viii. Menerbitkan monograf, jurnal dan buletin penyelidikan perancangan.

48 BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN KAWAL SELIA PERANCANGAN

- i. Memberi khidmat nasihat berkaitan perundangan perancangan bandar dan desa kepada agensi Persekutuan, negeri, pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT) dan orang awam;
- ii. Membuat promosi dan sebaran dasar berkenaan perundangan perancangan bandar dan desa;
- iii. Menyelaras dan memantau penerima pakaian Akta 172, kaedah-kaedah, panduan dan manual di bawah peruntukan Akta 172;
- iv. Menyediakan kertas perakuan bagi permohonan pembangunan di bawah subseksyen 22(2A), Akta 172 kepada MPFN;
- v. Menjalankan siasatan perancangan dan memantau projek-projek pembangunan yang telah diangkat dan diperakukan oleh MPFN;
- vi. Menyemak dan mengkaji semula Akta 172 serta menyedia cadangan pindaan Akta 172; dan
- vii. Menyedia dan mengkaji semula kaedah-kaedah, panduan-panduan dan manual di bawah peruntukan Akta 172.

BAHAGIAN MAKLUMAT GUNATANAH NEGARA

- i. Memastikan pangkalan data perancangan adalah yang terkini berdasarkan kesediaan (availability) data; dan
- ii. Membekalkan data kepada pemohon berpandukan permohonan yang lengkap dan kesediaan data dalam tempoh masa tujuh (7) hari dari tarikh permohonan diterima oleh Pegawai.

BAHAGIAN RANCANGAN FIZIKAL NEGARA

- i. Merumus rangka kerja dasar-dasar strategik perancangan spatial dan tindakan pelaksanaan melalui Rancangan Fizikal Negara (RFN) bagi menyediakan hala tuju pemajuan pembangunan, kegunaan dan pemuliharaan tanah di Semenanjung Malaysia;
- ii. Menggubal Dasar Perbandaran Negara (DPN) bagi memandu dan menyelaras perancangan dan pembangunan bandar supaya lebih efisien dan sistematik;
- iii. Merancang dan menyelaras pelaksanaan Sistem Pembangunan Tanah Bersepakat (PTB) sebagai salah satu kaedah alternatif pembangunan tanah dalam negara;

- iv. Menggubal Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (DPFDN) sebagai rangka kerja untuk pembangunan bersepadu kawasan desa dan pusat pertumbuhan desa; dan
- v. Melaksanakan semua urusan dengan cekap, teratur dan berkesan serta pemantauan maklumbalas yang kemas dan teratur mengikut jadual, tempoh dan format yang ditetapkan.

BAHAGIAN PERANCANGAN WILAYAH

- i. Memastikan pelaksanaan peruntukan seksyen 6A Akta 172 dan mengurus fungsi dan peranan Jawatankuasa Perancang Wilayah;
- ii. Merancang dan menyelaras dasar dan strategi pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi dalam sesuatu wilayah selaras dengan rangka perancangan spatial Negara;
- iii. Menasihati dan memantau kemajuan kawasan bersempadanan dalam wilayah bagi membantu Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mencapai dasar perancangan spatial negara yang berkaitan dengan wilayah berkenaan; dan

- iv. Membantu Jabatan merangka, menyelaras dan memantau kajian-kajian perancangan berkepentingan nasional untuk mencapai hasrat pembangunan Negara.

UNIT PENYELARASAN PROJEK

- i. Menyediakan Laporan Kemajuan Pelaksanaan Program semasa dan membentuk program serta anggaran belanjawan mengikut *rolling plan* bagi Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT);
- ii. Menyediakan Laporan Anggaran Belanjawan Pembangunan Jabatan Dwi Tahunan berdasarkan kalendar aktiviti Pekeliling Perbendaharaan;
- iii. Menyediakan Laporan Mingguan (Kementerian dan Jabatan) dan Laporan Bulanan (Agensi Pusat) bagi kemajuan fizikal dan kewangan projek menggunakan SPP II; dan
- iv. Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pemantauan Projek-Projek Pembangunan dua (2) kali setahun bagi setiap Zon/Bahagian.

50 PEJABAT PROJEK ZON TENGAH, UTARA, SELATAN DAN TIMUR

Menyediakan rancangan pemajuan/rancangan pembangunan yang menepati keperluan *standard* (dari segi perundangan, garis panduan dan dasar) dan peruntukan sumber (peruntukan dan lingkungan masa) menggunakan pendekatan teknikal dan saintifik yang diperakui oleh pakar, berdayalaksana dari segi ekonomi, sosial dan politik serta lestari.

PERINGKAT NEGERI

Kesemua JPBD Negeri secara amnya dibahagikan kepada dua (2) bahagian, walaupun mempunyai ciri-ciri pentadbiran tersendiri tetapi mempunyai struktur organisasi yang sama iaitu:

BAHAGIAN PENTADBIRAN

- Mengurus segala hal pentadbiran dan pengurusan Jabatan seperti pentadbiran am, perkhidmatan dan kewangan.

BAHAGIAN TEKNIKAL

- Melaksanakan aktiviti-aktiviti teknikal seperti urus setia JPN, menyelaras rancangan-rancangan pemajuan, menyediakan pelan-pelan pembangunan, perancangan bagi projek-projek khas, memberi khidmat nasihat perancangan dan memproses permohonan-permohonan perancangan.

PENGURUSAN KEWANGAN

Seksyen Kewangan menguruskan sumber kewangan Jabatan dengan cekap dan berkesan mengikut peraturan-peraturan dan pekeliling-pekeling yang telah ditetapkan termasuklah:

- 1. Memastikan segala unsur perbelanjaan dilakukan secara teratur, berhemah dan berkesan;
- 2. Memastikan pembayaran dilakukan mengikut jadual masa yang ditetapkan dengan cekap;
- 3. Memastikan semua terimaan dikutip dan diakaunkan dengan tepat pada waktunya;
- 4. Memastikan semua rekod dan dokumen kewangan disemak, diselenggara sempurna serta disimpan dengan selamat.

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS

Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus B43 yang diluluskan pada tahun 2013 adalah berjumlah RM57,284,200.00. Manakala jumlah Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2013 adalah RM55,217,276.93.

Peruntukan perbelanjaan mengurus B43

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PRESTASI (%)
Dasar Sedia ada	55,446,690.00	53,397,883.56	96.30
Dasar <i>One Off</i> (Aset)	1,637,510.00	1,636,920.00	99.96
Dasar <i>One Off</i> (Bertugas Luar Negara)	200,000.00	182,473.37	91.24
JUMLAH	57,284,200.00	55,217,276.93	96.39

Sumber: Seksyen Kewangan, 2013

SEKSYEN KEWANGAN JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN
DESA MENGURUSKAN PERUNTUKAN PERBELANJAAN MENGURUS,
MANAKALA UNIT PENYELARASAN PROJEK MENGURUSKAN
PERUNTUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN.

Peruntukan perbelanjaan mengurus mengikut aktiviti

	PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PRESTASI (%)
Aktiviti 070100	Pengurusan	12,635,390.00	11,033,183.58	87.32
Aktiviti 070200	Rancangan Pemajuan	30,628,700.00	31,904,098.87	104.16
Aktiviti 070300	Penyelidikan dan Perundangan	12,182,600.00	10,460,601.11	85.87
Aktiviti 120200	Dasar One Off- Aset	1,637,510.00	1,636,920.00	99.96
Aktiviti 120100	Dasar One Off – Bertugas ke Luar Negara)	200,000.00	182,473.37	91.24
JUMLAH		57,284,200.00	55,217,276.93	96.39

Sumber: Seksyen Kewangan, 2013

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS

Ringkasan prestasi perbelanjaan latihan sehingga Disember 2013

BIL.	KURSUS	PERUNTUKAN (RM)
1	Kursus Wajib	186,000.00
2	Kursus Umum	107,348.00
3	Kursus <i>Functional</i>	410,847.00
4	Kursus Swasta	150,000.00
JUMLAH		854,195.00

BIL.	KURSUS	PERUNTUKAN (RM)
1	Kursus Luar Negara	200,000.00

Sumber: Seksyen Sumber Manusia, 2013

PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)	BILANGAN SIRI KURSUS	BILANGAN KURSUS YANG DILAKSANAKAN	PERATUS (%)
157,040.00	84.43	11	10	90.91
96,248.00	89.66	9	9	100.00
390,966.00	95.16	48	48	100.00
150,000.00	100.00	1	1	100.00
794,254.00	92.98	69	68	98.55

PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)	BILANGAN SIRI KURSUS	BILANGAN KURSUS YANG DILAKSANAKAN	PERATUS (%)
174,572.62	89.79	5	5	100.00

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

RANCANGAN MALAYSIA KE-10 (RMKe-10), *ROLLING PLAN* KE-3

JPBD telah memohon cadangan untuk menjalankan 20 projek melalui peruntukan berjumlah RM7,823,100 dengan mengekalkan tujuh (7) program iaitu:

- i. Rancangan Tempatan;
- ii. Rancangan Struktur;
- iii. Kajian Prosedur Perancangan dan Sebaran Dasar;
- iv. Pembangunan Teknologi Maklumat;
- v. Rancangan Fizikal Negara;
- vi. Rancangan Wilayah; dan
- vii. Rancangan Kawasan Khas

Walau bagaimanapun Unit Perancang Ekonomi (UPE) hanya meluluskan 15 projek dengan peruntukan siling sebanyak RM6,020,700. Walau bagaimanapun sejumlah RM310,000 peruntukan daripada program 01904 Pembangunan Teknologi Maklumat telah diserahkan kembali ke pihak KPKT sebagai langkah penjimatan jabatan. Jumlah peruntukan dipinda tahun 2013 adalah RM5,710,700.

Peruntukan *Rolling Plan* Ketiga, RMke-10 (Tahun 2013) sehingga 19 Disember 2013

PROGRAM	PERMOHONAN		KELULUSAN		
	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	LULUS (%)
Rancangan Tempatan	1	211,000	-	-	0.0
Rancangan Struktur	1	75,000	-	-	0.0
Kajian Prosedur Perancangan dan Sebaran Dasar	2	264,000	2	264,000	100.0
Pembangunan Teknologi Maklumat	4	3,615,600	3	2,469,000	68.3
Rancangan Fizikal Negara	2	577,500	2	537,700	93.1
Rancangan Wilayah	1	385,000	1	385,000	100.0
Rancangan Kawasan Khas	9	2,695,000	7	2,365,000	87.7
JUMLAH	20	7,823,100	15	*6,020,700	76.9

Sumber: Unit Penyelarasan Projek, 2013

Nota : * Setelah serahan penjimatan peruntukan pada 5 Disember 2013 jumlah peruntukan dipinda adalah **RM5,710,700**

PERUNTUKAN DAN PRESTASI PEMBANGUNAN TAHUN 2013

Sehingga tarikh penutupan akaun, prestasi perbelanjaan pembangunan adalah RM5,046,218.15 iaitu 88.36%. Perincian perbelanjaan adalah seperti jadual berikut.

Peruntukan dan prestasi perbelanjaan pembangunan tahun 2013

PROGRAM	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	PERUNTUKAN DIPINDA (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)
Kajian Prosedur Perancangan dan Sebaran Dasar	2	264,000	264,000	236,693.25	89.66
Pembangunan Teknologi Maklumat	3	2,469,000	2,159,000	1,760,375.00	81.54
Rancangan Fizikal Negara	2	537,700	537,700	537,665.45	99.99
Rancangan Wilayah	1	385,000	385,000	331,085.15	86.00
Rancangan Kawasan Khas	7	2,365,000	2,365,000	2,180,399.30	92.19
JUMLAH	15	6,020,700	5,710,700	5,046,218.15	88.36

Sumber: Unit Penyelarasan Projek, 2013



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

60 Kerajaan telah memberi penekanan terhadap kepentingan pengurusan dan pembangunan sumber manusia sektor awam sebagai landasan kepada Jabatan untuk melengkapkan setiap pegawai dengan pengetahuan, kemahiran serta tingkah laku dan nilai.

Pada masa kini, pengurusan dan pembangunan sumber manusia tidak lagi dilihat sebagai faktor sokongan sesebuah organisasi tetapi sebagai penyumbang strategik yang signifikan kepada kejayaan dan kecemerlangan organisasi.

Pendekatan Jabatan dalam pengurusan dan pembangunan sumber manusia berasaskan kompetensi ini mampu melahirkan pegawai yang berpengetahuan, berkemahiran, dinamik, progresif dan berdaya saing di samping mempunyai sikap dan integriti yang kukuh, berdisiplin dan mempunyai nilai - nilai murni.

PROGRAM LATIHAN BAGI TAHUN 2013

Pada tahun 2013, Jabatan telah memperuntukan sebanyak RM854,195.00 peruntukan kursus iaitu satu peratus (1%) daripada emolumen dengan penganjuran sebanyak 69 siri kursus oleh setiap Bahagian / Seksyen di Jabatan.



Tahun 2013 juga mencatatkan pencapaian latihan/ kursus 7 hari setahun bagi setiap pegawai adalah 99.57 peratus seperti di Jadual .

Rumusan kehadiran 7 hari kursus tahun 2013 bagi pegawai - pegawai JPBD ibu pejabat

BIL.	BAHAGIAN / PEJABAT PROJEK	JUMLAH PENGISIAN JAWATAN	JUMLAH PEGAWAI YANG MEMENUHI 7 HARI BERKURSUS	PERATUS (%)
1.	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan	42	42	100
2.	Bahagian Rancangan Fizikal Negara	51	50	98
3.	Bahagian Korporat	32	32	100
4.	Bahagian Perancangan Wilayah	37	36	97
5.	Bahagian Perundangan dan Kawalselia Perancangan	51	51	100
6.	Pejabat Projek Zon Timur/ URP Kuantan/ URP KB	78	78	100
7.	Pejabat Projek Zon Utara	77	77	100
8.	Pejabat Projek Zon Selatan/ URP Johor	75	75	100
9.	Pejabat Projek Zon Tengah	73	73	100
10.	Bahagian Maklumat Gunatanah Negara	34	34	100
11.	Unit Penyelarasan Projek	20	18	90
12.	Bahagian Khidmat Pengurusan	89	89	100
13.	Pejabat KP/TKP	9	7	78
14.	Unit Undang-Undang	2	2	100
15.	Unit Audit Dalam	3	3	100
16.	Unit Khas NKRA Bandar Selamat	13	13	100
JUMLAH		686	680	99.57

Sumber: Seksyen Sumber Manusia, 2013

Rumusan kehadiran 7 hari kursus tahun 2013 bagi pegawai - pegawai di JPBD Negeri

BIL.	JPBD NEGERI	JUMLAH PENGISIAN JAWATAN	JUMLAH PEGAWAI YANG MEMENUHI 7 HARI BERKURSUS	PERATUS (%)
1.	JPBD Selangor	13	13	100
2.	JPBD Perak	12	12	100
3.	JPBD Melaka	9	9	100
4.	JPBD Kedah	8	8	100
5.	JPBD Perlis	2	2	100
6.	JPBD Terengganu	9	9	100
7.	JPBD Kelantan	6	6	100
8.	JPBD Pahang	11	11	100
9.	JPBD Johor	7	7	100
10.	JPBD Pulau Pinang	8	8	100
11.	JPBD Negeri Sembilan	8	8	100
JUMLAH		93	93	100
JUMLAH KESELURUHAN		779	779	100

Sumber: Seksyen Sumber Manusia, 2013



Jabatan juga telah menjalankan Analisis Keperluan Latihan (TNA) bagi setiap lapisan pegawai iaitu Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Kumpulan Sokongan 1 dan Kumpulan Sokongan 2. Berdasarkan kepada analisis keperluan ini, Jabatan telah menganjurkan dan menyelaras satu cadangan latihan/ kursus/bengkel untuk pelaksanaan bagi tahun 2013 seperti di jadual.

Latihan/Kursus/Bengkel/Taklimat/Seminar yang dianjurkan bagi tahun 2013

BIL.	LATIHAN / KURSUS/ BENGGEL/ TAKLIMAT/ SEMINAR	BIL.PESERTA	BIL. LATIHAN
Dalam Negara			
1.	Kursus/Bengkel/Taklimat/Seminar Anjuran JPBD (Wajib, Umum dan <i>Functional</i>)	2759	68
2.	Kursus/Bengkel/Taklimat/Seminar Dalam Negeri Anjuran Kerajaan	350	45
3.	Kursus / Bengkel /Seminar Anjuran INTAN	105	15
4.	Kursus/Bengkel/Taklimat/ Seminar Anjuran Swasta	297	104
5.	Kursus/Bengkel/Taklimat/Seminar Anjuran IPTA	12	10
Luar Negara			
1.	Kursus Jangka Pendek Luar Negara	29	5
JUMLAH		3,552	247

Sumber: Seksyen Sumber Manusia, 2013

66 TAKLIMAT

Taklimat Pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bagi Pelaksanaan Penambahbaikan 81 Skim Perkhidmatan, telah diadakan pada 22 November 2013 di Dewan KR. Soma, Wisma Tun Sambanthan. Taklimat telah diberi berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 2013 untuk Juruteknik Perancang Bandar dan Desa, Pekeliling Perkhidmatan Bil.12 Tahun 2013 untuk Pelukis Pelan, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17 Tahun 2013 untuk Pembantu Awam dan Pemandu Kenderaan dan Pekeliling Perkhidmatan Bil.

19 Tahun 2013 untuk Pembantu Operasi. Pegawai yang terlibat adalah seperti berikut:

- i. Pembantu Awam Gred H11 - 1 orang
- ii. Pemandu Kenderaan H11 - 19 orang
- iii. Pembantu Operasi N11 - 19 orang
- iv. Juruteknik Perancang Bandar dan Desa JA29 - 179 Orang
- v. Pelukis Pelan JA29 - 31 orang

Sesi Taklimat dan Penyerahan Borang Tawaran Opsyen bagi Urusan Tukar Lantik Juruteknik Perancang Bandar dan Desa, Pelukis Pelan, Pembantu Am Pejabat dan Pemandu Kenderaan ini telah diadakan sebanyak empat (4) kali iaitu :

- i. JPBD Ibu Pejabat, 6 Disember 2013 Dewan KR Soma
- ii. Pejabat Projek Zon Utara, 9 Disember 2013, Bilik Mesyuarat PPZU
- iii. Pejabat Projek Zon Selatan, 10 Disember 2013, Bilik Mesyuarat PPZS
- iv. Pejabat Projek Zon Timur, 11 Disember 2013, Bilik Mesyuarat PPZR

Borang-borang opsyen yang lengkap telah dihantar ke KPKT pada 6 Januari 2014.



ANUGERAH DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT

Seksyen Sumber Manusia juga telah menyelaraskan calon – calon bagi penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat sama ada negeri atau persekutuan. Calon – calon terdiri daripada pegawai – pegawai yang telah berjasa kepada negeri dan negara. Pegawai yang telah menerima Anugerah Darjah Kebesaran bagi tahun 2013 adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA	JAWATAN/GRED/TEMPAT BERTUGAS	DARJAH KEBESARAN
1.	YBhg. Datuk Mohd Fadzil bin Hj. Mohd Khir	Ketua Pengarah JPBD Semenanjung Malaysia JUSA A	Panglima Jasa Negara (P.J.N), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
2.	YBhg. Datin Hj. Nooraini bt Hj. Ismail	Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J52, Bahagian Korporat	Kesatria Mangku Negara (KMN) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
3.	YBhg. Datin Marhamah bt Ab Ghaffar	Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J52, BRFN	Ahli Mahkota Negara (AMN) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
4.	En. Noor Yazan bin Zainol	Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J52 (Memangku)	Ahli Mahkota Negara (AMN) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
5.	Puan Sakon a/p Din Chom	Juruteknik Perancang Bandar dan Desa Gred J22, Bahagian Korporat	Pingat Pangkuan Negara (PPN)
6.	Puan Rajijah bt Khamis	Juruteknik Gred J22 PPZS	Pingat Bakti Masyarakat (PBM) Melaka
7.	Puan Rokiah bt Ariffin	Pembantu Tadbir (P/O) N22 PPZS	Pingat Kerja Lama Melaka
8.	En. Ab. Rahman bin Omar	Pen. Pegawai Perancang Gred J36(KUP)	Pingat Bakti Masyarakat (PBM) Melaka
9.	Pn. Fatimah bt Mohd Affandi	Pen. Pegawai perancang Gred J36(KUP)	Pingat Jasa Kebaktian (PJK) Melaka
10.	En. Mohd Nasir bin Kamin	Pen. Pegawai perancang Gred J38 PPZS	Pingat Jasa Kebaktian (PJK) Melaka

Sumber: Seksyen Sumber Manusia, 2013



70 KURSUS JANGKA PANJANG DALAM DAN LUAR NEGARA

Jabatan melalui Panel Pembangunan Sumber Manusia telah memilih pegawai-pegawai yang sesuai dan berkeelayakan melalui pelawaan pencalonan bagi mengikuti kursus Pengajian Pasca Ijazah di Peringkat Kedoktoran dan Sarjana dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Jabatan juga memberi kelulusan kepada pegawai-pegawai yang berminat untuk melanjutkan pengajian secara persendirian dengan kemudahan-kemudahan seperti cuti separuh gaji, cuti belajar, tajaan mengikut tawaran JPA semasa.

Pemilihan pegawai adalah berasaskan pengkhususan bidang Jabatan dan beberapa kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan Jabatan. Pada tahun 2013, dua (2) orang pegawai telah berjaya mengikuti kursus jangka panjang peringkat Doktor Falsafah (PhD) dan tiga (3) orang di Peringkat Sarjana.

Pegawai yang berkursus

BIL.	NAMA PEGAWAI	JAWATAN	BIDANG PENGKHUSUSAN PENGAJIAN
1.	Noraida Binti Abdul Rani	Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J48 Kementerian Wilayah Persekutuan	Sarjana Sains Sosial (Pembangunan Manusia) Dalam Negara
2.	Norhasnita Binti Abd Samad	Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J48 JPBD Negeri Sembilan	Sarjana Sains Sosial (Pembangunan Sosial) Dalam Negara
3.	Zamirzan Bin Puji	Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J48 Unit Pusat Setempat, Majlis Bandaraya Johor Baharu	Sarjana Perancangan Bandar dan Wilayah - <i>Sustainability, Planning dan Environment Policy</i> Dalam Negara
4.	Nor Zaliza Binti Mohd Puzi	Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J48 Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan	Doktor Falsafah (Ph.D) Sains Sosial (Perancangan dan Pengurusan Pembangunan) Dalam Negara
5.	Muhammad Hakimi Bin Mohd Hussain	Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J48 Pejabat Projek Zon Utara	Doktor Falsafah (Ph.D) Sains Sosial (Pengurusan Projek) Dalam Negara

Sumber: Seksyen Sumber Manusia, 2013

72 PEPERIKSAAN SUBJEK JABATAN

PEPERIKSAAN SUBJEK JABATAN SIRI 1 TAHUN 2013

Peperiksaan subjek Jabatan siri 1 telah diadakan pada 21 hingga 23 Mei 2013, di Institut KWSP, Bangi Selangor. Seramai 80 orang calon telah memohon dan telah menghadiri peperiksaan berkenaan. Seramai 33 orang calon memohon bagi skim Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J29, 42 orang calon memohon Skim Juruteknik Perancang Bandar dan Desa Gred J17 dan 5 orang calon memohon Skim Pelukis Pelan Gred J17.

PEPERIKSAAN SUBJEK JABATAN SIRI 2 TAHUN 2013

Peperiksaan subjek Jabatan siri 2 telah diadakan pada 26 hingga 28 November 2013 di Institut KWSP, Bangi Selangor. Seramai 50 orang calon telah memohon dan telah menghadiri peperiksaan berkenaan. Seramai 27 orang calon memohon bagi skim Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J29, 22 orang calon memohon Skim Juruteknik Perancang Bandar dan Desa Gred J17 dan 1 orang calon memohon Skim Pelukis Pelan Gred J17.

Ujian Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) peperiksaan telah ditunda ke tahun hadapan (2014) kerana berlaku perubahan Gred J17 Juruteknik ke Gred J29 (Rujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 dan 12 Tahun 2013)

PERJAWATAN 2013

Jumlah keseluruhan tenaga kerja JPBD Semenanjung Malaysia sehingga Disember 2013 adalah seperti berikut:

PENEMPATAN	WARAN PERJAWATAN	PENGISIAN		KOSONG	
	JUMLAH	JUMLAH	PERATUS (%)	JUMLAH	PERATUS (%)
Persekutuan	735	689	93.70	46	6.3
Negeri	97	93	95.90	4	4.1
Jabatan Kerajaan Tempatan/ Jawatan Kader	156	149	95.50	7	4.5
JUMLAH	988	931	94.23	57	5.8

Pengisian jawatan 2013

PENEMPATAN	KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI	KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	KUMPULAN SOKONGAN 1	KUMPULAN SOKONGAN 2	JUMLAH
Persekutuan	4	197	449	39	689
Negeri	5	88	-	-	93
Jabatan Kerajaan Tempatan/ Jawatan Kader	-	142	7	-	149
JUMLAH	9	427	456	39	931

Sumber: Seksyen Sumber Manusia, 2013

PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

74 PROGRAM NKEA EPP2-1 PERKHIDMATAN GUNASAMA KERAJAAN (*GOVERNMENT SHARED SERVICES*)

Jabatan telah menyertai beberapa inisiatif bersepadu agensi sektor awam dari segi pembangunan dan pengurusan infrastruktur ICT. Inisiatif-inisiatif ini digerakkan oleh MAMPU di bawah program NKEA EPP2-1 Perkhidmatan Gunasama Kerajaan (*Government Shared Services*) iaitu :

1. **1Gov*Net**

Bermula 1 Januari 2013, Jabatan telah menggunakan *1Gov*Net* iaitu rangkaian perhubungan Internet dan *Wide Area Network* (WAN) yang dikendalikan oleh MAMPU dengan penyedia perkhidmatan GITN Sdn Berhad. *1Gov*Net* menghubungkan semua agensi Persekutuan di Putrajaya dan Kuala Lumpur bertujuan bagi memastikan keselamatan rangkaian dan maklumat kerajaan dan melancarkan komunikasi antara agensi.

2. **Government Data Center 2 (GDC-2)**

Government Data Center 2 (GDC2) di bawah kendalian MAMPU bermula pada Mac 2013. Ianya bertujuan menyediakan Pusat Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery Centre* (DRC) bagi sistem kritikal yang telah dikenalpasti iaitu *MURNInets*, *Land Use Portal*, *Planning GeoData Centre* dan Laman Web Rasmi Jabatan.

Projek ini dikendalikan oleh *Strateg Berhad*, penyedia perkhidmatan yang dilantik MAMPU dan DRC ini terletak di Petaling Jaya, Selangor. Projek ini berada di peringkat pengujian simulasi bencana dan dijangka selesai pada awal 2014.

Pusat Pemulihan Bencana diwujudkan bagi menyokong Pelan Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery Plan*) yang merupakan sebahagian

daripada Pelan Kesyntambungan Perkhidmatan Jabatan. Terdapat juga DRC yang berasingan bagi Sistem Pemantauan Bandar Selamat yang ditempatkan di Pusat Data MAMPU Cyberjaya.

3. **1Gov Unified Communication (1GovUC).**

Projek *1Gov Unified Communication* (*1GovUC*) bertujuan melancarkan komunikasi dan hubungan antara agensi-agensi. Projek ini menyediakan media komunikasi agensi kerajaan yang bersepadu merangkumi emel, *instant messaging*, *voice messaging*, *audio/video conferencing*, SMS dan fax. Jabatan telah menggunakan *1GovUC* bermula 1 November 2013.



Sistem Maklumat Guna tanah Perancangan Bersepadu (*I-Plan*) merupakan satu kaedah pengemaskinian guna tanah menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS). Pembangunan *I-Plan* akan dijalankan selama 27 bulan bermula pada 2/10/2013 dan dijadualkan tamat pada 27/12/2015.

MATLAMAT PROJEK

Membangunkan sistem pangkalan data guna tanah bersepadu yang komprehensif ke arah transformasi pengurusan data yang lebih efektif dan efisien.

OBJEKTIF PROJEK

- i. Menambah baik dan memudahcara pengurusan data guna tanah dengan menyediakan dokumen rujukan *information architecture* dan *template logical data model* serta *metadata* bagi Pusat Maklumat Guna tanah Negara.
- ii. Mewujudkan pangkalan data bersepadu yang teratur, yang sentiasa dikemaskini.

- iii. Mengintegrasikan maklumat antara rancangan pemajuan iaitu Rancangan Fizikal Negara (RFN), rancangan struktur (RS), rancangan tempatan (RT), rancangan kawasan khas (RKK) dan maklumat-maklumat lain kajian perancangan serta maklumat-maklumat lain daripada jabatan-jabatan teknikal.
- iv. Melaksanakan keperluan perkongsian data dengan semua *stakeholders* dan jabatan-jabatan lain.
- v. Mewujudkan kaedah pengemaskinian data guna tanah daripada manual kepada atas talian.
- vi. Mewujudkan infrastruktur pusat maklumat guna tanah

TUJUAN UTAMA


- i. Menjadi alat (*tool*) untuk mempercepat dan memudahkan proses pengemaskinian dan aksesibiliti terhadap perubahan guna tanah.
- ii. Menyediakan pangkalan data guna tanah yang membekalkan maklumat

yang terkini (*up-to-date*) selari dengan perubahan guna tanah yang berlaku.

- iii. Memudahkan pemantauan perubahan guna tanah.
- iv. Meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian maklumat guna tanah kepada pelanggan menerusi penggunaan teknologi maklumat dan Sistem Maklumat Geografi (GIS).
- v. Merupakan satu inisiatif yang menggalakkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk tujuan perkongsian data dengan pelbagai agensi bagi mengatasi masalah pertindihan data dan kerja di antara jabatan/agensi.
- vi. Membentuk persefahaman dan koordinasi di antara agensi mengikut fungsi dan peranan di dalam aktiviti pembangunan, pengumpulan dan pengemaskinian data spatial.

SISTEM MAKLUMAT GUNA TANAH PERANCANGAN BERSEPADU (*I-PLAN*)

Metodologi Pembangunan Sistem I-Plan




Sumber: Bahagian Maklumat Gunatanah Negara, 2013

PUSAT GEODATA PERANCANGAN *PLANNING GEODATA CENTER* (PGC)

Sistem aplikasi pengurusan data di atas talian yang mengendalikan permohonan data guna tanah daripada pelbagai pihak mahupun individu. Seiring dengan fungsi JPBD sebagai *custodian data* guna tanah negara.

Aplikasi ini dibangunkan untuk meningkatkan sistem penyampaian Jabatan bagi memudahkan proses permohonan data guna tanah. Aplikasi *Planning GeoData Center* ini boleh dilayari menerusi laman web <http://pgc.townplan.gov.my>

Pecahan pengguna PGC bagi tahun 2013



Berdasarkan graf di atas sebanyak 360 pengguna telah berdaftar dalam *Planning Geodata Center*. Pengguna tertinggi adalah terdiri daripada golongan swasta sejumlah 120 pengguna diikuti oleh pengguna dari golongan pelajar sejumlah 109 pengguna.

PORTAL GUNA TANAH

Bagi tahun 2013, rancangan tempatan yang telah dimuat naik ke dalam Portal Guna tanah JPBD Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut :

BIL	NEGERI	DAERAH	JUMLAH
1.	JOHOR	JOHOR BAHRU KLUANG MERSING PONTIAN SEGAMAT	5
2.	KEDAH	KOTA SETAR KUALA MUDA KUBANG PASU KULIM LANGKAWI PADANG TERAP YAN	7
3.	KELANTAN	BACHOK GUA MUSANG JELI KOTA BHARU KUALA KERAJ MACHANG PASIR MAS PASIR PUTIH TANAH MERAH TUMPAT	10
4.	MELAKA	ALOR GAJAH MELAKA TENGAH	2
5.	NEGERI SEMBILAN	KUALA PILAH PORT DICKSON SEREMBAN TAMPIN	4
6.	PAHANG	BENTONG BERA JERANTUT KUANTAN LIPIS MARAN RAUB TEMERLOH	8
7.	PERAK	HILIR PERAK KERIAN KINTA KUALA KANGSAR LARUT MATANG MANJUNG	6
8.	SELANGOR	AMPANG JAYA HULU SELANGOR KAJANG KUALA LANGAT PETALING (MBPJ,MBSA dan MBSJ) SELAYANG SEPANG	7
9.	TERENGGANU	BESUT DUNGUN HULU TERENGGANU KEMAMAN MARANG	5
JUMLAH			54

Sumber: Bahagian Maklumat Gunatanah Negara, 2013

PENGURUSAN KUALITI DAN PELAN STRATEGIK

80 ISO 9001 : 2008

JPBD telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati ISO 9001 : 2008 dengan Skop Pensijilan :

Perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa bagi Penyediaan Kajian-kajian Rancangan Fizikal Negara (RFN), rancangan wilayah (RW), rancangan struktur (RS), rancangan tempatan (RT), Kajian Penyelidikan Perancangan dan Aktiviti di Bawah Peruntukan Akta

Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) serta Aktiviti-Aktiviti berkaitan dengan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.

Pensijilan kali ketiga ini adalah hasil Audit Pensijilan Semula (*Recertification Audit*) yang telah diadakan pada 25 hingga 27 November 2013 yang bebas daripada Laporan Ketidakakuran (NCR) atau Peluang Penambahbaikan (OFI).

Pasukan Audit Dalaman Jabatan juga diberi pujian kerana telah berjaya melaksanakan proses Audit Dalaman yang baik dan boleh dijadikan contoh kepada jabatan-jabatan lain.



JABATAN PERANCANGAN BINAAN DAN UED, BUREAU OF MALAYSIAN
JALAN CECILIAH
50000 KUALA LUMPUR
WILAYAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA

1802024 : 2024

© 2011 Blackwell Publishing Ltd *Journal of Internal Medicine* 270: 103–112

Discussion

[illegible]

Datenabgrenzung: 01. Januar 2011
 Berichtszeitraum: 01. Januar 2014 – 31. Dezember 2014
 Berichtsperiode: 01. Januar 2014

Chloridophorus

William W. Wines
 President, 1998-2000
 10000 E. 12th Avenue, Suite 100
 Denver, CO 80231



CERTIFICATE

© 2004 Blackwell Publishing Ltd, *Journal of Internal Medicine* 255: 349–358

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA, SEMENANJUNG
MALAYSIA

JAMES T. NEWBOLD
 5040 WALTON LANE
 WILMINGTON, DE 19804
 302-638-1111

[Date] [Day] [Month] [Year]

QUALITY MANAGEMENT SYSTEM

about 4,000 five-year-olds, of the following stature:

ISO 9001:2000

THE NEW YORK PUBLIC LIBRARY

WHO JOINS OR FORMS AND COUNTRY PLANNERS FOR THE
PREPARATION OF NATIONAL DEVELOPMENT PLANS, REGIONAL PLANS
STRUCTURE THE PLAN, PLAN, COUNTRY PLANNING OF THE PLANNING
RESEARCH AND ACTIVITIES UNDER THE PREPARATION OF TOWN AND
COUNTRY PLANNING ACTS AND ACTS, INCLUDING ACTIVITIES
RELATED TO THE TOWN AND COUNTRY PLANNING IN THE
PROVIDING AN ANSWER.

Received	26 December 2016
Revised	26 January 2017
Accepted	27 July 2017



William D. Bennett
 William D. Bennett
 President of the Board

Carole
 8 weeks/12 months
 14 weeks/18 months



© 2004 Blackwell Publishing Ltd, *Journal of Internal Medicine* 255: 103–110

KPI (Key Performance Indicator) /JPBD SEMENANJUNG 2013

KPI bagi tahun 2013 berjaya mencapai sasaran Objektif Kualiti Jabatan melebihi 80% seperti yang telah ditetapkan di dalam Manual Kualiti. Pencapaian KPI 2013 adalah 82.69% (43 pengukuran berjaya mencapai sasaran).

Pencapaian ini adalah 12.43 % lebih rendah dari pencapaian tahun 2012. Jumlah keseluruhan pengukuran KPI Jabatan bagi tahun 2013 adalah sebanyak 52 dengan bilangan peratusan pengukuran yang tidak berjaya dicapai adalah sebanyak 17.30% (9 pengukuran).

Perbandingan Pencapaian KPI mengikut Tahun

TAHUN	CAPAI	TIDAK CAPAI	JUMLAH KPI
2009	41 KPI 77.36%	12 KPI 22.64%	53 KPI
2010	37 KPI 72.55%	14 KPI 27.45%	51 KPI
2011	28 KPI 70.00%	12 KPI 30.00%	40 KPI
2012	39 KPI 95.12%	2 KPI 4.88%	41 KPI
2013	42 KPI 82.69%	9 KPI 17.30%	52 KPI

Sumber: Bahagian Korporat, 2013

KPI JPBD SEMENANJUNG 2013

Pelan Strategik Jabatan mengandungi enam (6) Teras Strategik dan 21 Strategi yang diterjemah ke dalam bentuk Pelan Tindakan sebagai parameter mengukur pencapaian Jabatan sepanjang tahun . Pencapaian Pelan Tindakan Pelan Strategik JPBD (PTPSJ) bagi tahun 2013 adalah sebanyak 88.73% (63 pengukuran berjaya mencapai sasaran). Peratusan pencapaian keseluruhan PTPSJ 2013 adalah 2.18% lebih rendah dari pencapaian tahun 2012. Lima (5) Teras Strategik mencatatkan pencapaian 80% manakala satu (1) Teras Strategik merekodkan pencapaian 69.23%.

Pencapaian 6 Teras Strategik

PENCAPAIAN PENGUKURAN 6 TERAS STRATEGIK		PENCAPAIAN	
		%	Pengukuran
5 TERAS STRATEGIK MENCAPAI SASARAN	Memperingkatkan keberkesanan perancangan dan pengurusan pembangunan gunatanah ke arah kesejahteraan komuniti	69.23	9/13
	Memantapkan penyelidikan dan pembangunan bagi mempromosi amalan perancangan terbaik ke arah produk bertaraf dunia	100.00	7/7
1 TERAS STRATEGIK TIDAK MENCAPAI SASARAN (pencapaian melebihi 80% seperti yang telah ditetapkan dalam manual kualiti)	Memperingkatkan pematuhan kepada perancangan pembangunan untuk memastikan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan mampan	80.00	12/15
	Memperkasakan pengurusan maklumat gunatanah negara ke arah perancangan gunatanah yang berkesan dan sistematik	100.00	5/5
	Memperingkatkan kerjasama strategik bagi memperkasakan peranan dan fungsi Jabatan	100.00	11/11
	Memantapkan pembangunan kapasiti organisasi ke arah melonjakkan kecekapan dan keberkesanan Jabatan	95.00	19/20
	PENCAPAIAN KESELURUHAN		90.71

Sumber: Bahagian Korporat, 2013

PENCAPAIAN 21 STRATEGI

Bagi tahun 2013, 17 Strategi (80.95%) berjaya menepati sasaran dan 4 Strategi berada di bawah paras 80% seperti yang telah ditetapkan oleh Manual Kualiti. Walau bagaimanapun strategi-strategi di bawah Teras Strategik 2, Teras Strategik 4 dan Teras Strategik 5 telah merekodkan pencapaian 100%

BIL	PENCAPAIAN KESELURUHAN 21 STRATEGI PTPSJ 2013	PERATUS (%)
1.	Menyediakan rancangan pembangunan dan memantau pelaksanaannya	66.66 (6/9)
2.	Menyediakan dasar-dasar pembangunan dan pengurusan guna tanah	100.00 (1/1)
3.	Mempertingkatkan perancangan bersama awam dalam proses penyediaan dan pelaksanaan rancangan pembangunan	66.66 (2/3)
4.	Menyediakan Garis Panduan Perancangan (GPP) / Kajian Penyelidikan / Eksplorasi Pendekatan/ Teknik/ Manual Perancangan	100.00 (4/4)
5.	Meningkatkan pemakaian dan kualiti garis panduan perancangan	100.00 (1/1)
6.	Melaksanakan pengukuran kemampanan bandar	100.00 (2/2)
7.	Memperkasakan Akta 172	66.66 (2/3)
8.	Memperkukuhkan Pematuhan kepada Akta 172 untuk memudahcara pembangunan	83.33 (5/6)
9.	Memastikan penyelarasan pembangunan di antara negeri dan wilayah bersempadan	100.00 (1/1)
10.	Memperkukuhkan peranan pengarah Negeri	80.00 (4/5)
11.	Memperkukuhkan pangkalan data guna tanah Jabatan	100.00 (3/3)

sambungan...

...sambungan

BIL	PENCAPAIAN KESELURUHAN 21 STRATEGI PTPSJ 2013	PERATUS (%)
12.	Memperkasakan peranan pusat maklumat guna tanah negara	100.00 (2/2)
13.	Memperkukuhkan jaringan perhubungan dengan pihak yang berkepentingan dan pelanggan	100.00 (6/6)
14.	Mempertingkatkan penglibatan jabatan di peringkat antarabangsa	100.00 (1/1)
15.	Mempertingkatkan promosi peranan perancangan bandar dan desa	100.00 (4/4)
16.	Memantapkan pengurusan sumber manusia	0.00 (1/1)
17.	Menjayakan pembangunan kompetensi	100.00 (3/3)
18.	Memperkasakan ICT jabatan	100.00 (4/4)
19.	Memantapkan organisasi	100.00 (7/7)
20.	Memastikan semua lapisan pegawai mempunyai tahap integriti yang tinggi	100.00 (1/1)
21.	Memperkemaskan pengurusan kewangan secara berhemat	100.00 (3/3)

Sumber : Bahagian Korporat, 2013

Bagi tahun 2013, program-program yang telah diadakan berdasarkan Pelan Tindakan Inovasi Jabatan 2013 adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Pelancaran Pelan Tindakan Inovasi JPBD Semenanjung Malaysia 2013 sempena Perhimpunan Awal Tahun JPBD SM 2013 di Muzium Kesenian Islam, Kuala Lumpur	17 Januari 2013
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi JPBD Semenanjung Malaysia Bil. 1/2013 di Bilik Mesyuarat Tanjung	18 Januari 2013
3.	Bengkel Pengukuhan Inovasi dan Kreativiti Jabatan telah diadakan di Hotel Seaview Langkawi, Kedah.	20 – 22 Februari 2013
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Protam Pertandingan Penyediaan Pelan Susun atur Kawasan Perumahan Sempena Sambutan Hari Inovasi Jabatan 2013 Bil.1/2013 di Bilik Mesyuarat Melati	15 Februari 2013
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Protam Pertandingan Penyediaan Pelan Susun atur Kawasan Perumahan Sempena Sambutan Hari Inovasi Jabatan 2013 Bil. 2/2013 di Bilik Mesyuarat PPZT, Tkt 20, Wisma Tun Sambanthan.	1 Mac 2013
6.	Minggu Kesedaran Inovasi Bil. 1/2013 - (I-Quiz) Sebaran Maklumat Inovasi (Laman Web Jabatan)	8 Mac – 15 Mac 2013
7.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu KIK Bil. 1/2013 di Bilik Mesyuarat Tanjung	22 Mac 2013
8.	Sesi Taklimat berkaitan panduan Projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) oleh KPKT di Putrajaya	23 Mac 2013
9.	Sesi <i>Hands-On</i> penyediaan projek KIK oleh KPKT di Putrajaya	26 – 27 Mac 2013
10.	Kursus Fasilitator dan Teknik Persembahan KIK KPKT 2013 di Putrajaya.	15-17 April 2013
11.	Pertandingan Pidato sempena sambutan Hari Inovasi JPBD SM di Dewan, Kristal, KPKT, Putrajaya.	19 Jun 2013

sambungan...

...sambungan

BIL.	PERKARA	TARIKH
12.	Konvensyen KIK di Dewan, Kristal, KPKT, Putrajaya.	20 Ogos 2013
13.	Penjurian pertandingan Rekacipta Logo dan Tema sempena sambutan Hari Inovasi JPBD 2013 di Bilik Mesyuarat Melati	23 Ogos 2013
14.	Penjurian pertandingan Fotografi Kreatif sempena sambutan Hari Inovasi JPBD 2013 di Bilik Mesyuarat Melati	30 Ogos 2013
15.	Majlis Sambutan Hari Inovasi JPBD SM 2013 di Dewan Kristal, KPKT, Putrajaya.	10 September 2013
16.	Kumpulan PEKA (JPBD Negeri Pahang) dan Kumpulan <i>Creative Team</i> (Bahagian Korporat/UPP) mewakili JPBD ke Konvensyen KIK, KPKT di Dewan Kristal, KPKT, Putrajaya	5 September 2013
17.	Kumpulan <i>Creative Team</i> (Bahagian Korporat/UPP) mewakili Kementerian ke Konvensyen KIK peringkat wilayah di Kementerian Wilayah Persekutuan, Putrajaya.	1 - 2 Oktober 2013.
18.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu KIK JPBD SM Bil. 2/2013 di Bilik Mesyuarat Tanjung, JPBD Ibu Pejabat	22 November 2013
19.	- Kumpulan PEKA (JPBD Negeri Pahang) dan JPBD Negeri Perlis telah berjaya melayakkan diri untuk bertanding ke KIK Peringkat Kebangsaan di Sarawak. - Kumpulan PEKA telah berjaya menerima Anugerah Ketua Pengarah MAMPU.	1 - 3 Disember 2013
20.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi JPBD SM Bil. 2/2013 bertempat di Bilik Mesyuarat Tanjung	24 Disember 2013

Sumber: Bahagian Korporat, 2013

PERKHIDMATAN TERAS



RANCANGAN FIZIKAL NEGARA

90 LAPORAN PENILAIAN DAN PEMANTAUAN PELAKSANAAN RFN KE-2

Rancangan Fizikal Negara Ke-2 (RFN) telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Ogos 2010 dan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) pada 13 Ogos 2010. RFN ini adalah pelengkap kepada sistem perancangan pembangunan negara dengan menterjemah dan menyelaraskan dasar-dasar pembangunan ekonomi, sosial dan sektoral lain ke dalam dimensi fizikal dan spatial.

Subseksyen 6B(6) Akta 172 memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa hendaklah memberikan laporan kepada MPFN secara berkala mengenai pelaksanaan Rancangan Fizikal Negara. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah menetapkan agar Laporan Penilaian dan Pemantauan Pelaksanaan RFN ini di buat

sekali setiap dua tahun dalam tempoh lima tahun pemakaian RFN ini iaitu dari tahun 2010 sehingga 2015.

Oleh yang demikian, RFN telah menggariskan dua perkara yang perlu dinilai dan dipantau; iaitu:

- i. Penilaian pencapaian bagi setiap objektif RFN melalui penggunaan indikator khusus; dan
- ii. Pematuhan di dalam perancangan guna tanah yang dipantau melalui analisis data spatial.

Bagi tahun 2013, Laporan Penilaian dan Pemantauan Pelaksanaan RFN Ke-2 (2010-2011) telah diluluskan di Mesyuarat JPP JPBD pada 26 Mac 2013. Pada 17 September 2013, kajian ini telah dibentangkan dan diluluskan dengan pindaan di Mesyuarat JPP KPKT untuk dibentangkan ke Mesyuarat MPFN.

Laporan Penilaian dan Pemantauan Pelaksanaan RFN Ke-2 (2012) pula telah diluluskan oleh Mesyuarat JPP JPBD Bil 4/2013 pada 11 Disember 2013.

PEMANTAUAN PELAKSANAAN DPN 2013

Susulan daripada penemuan Kajiselidik Pemantauan Pelaksanaan DPN 2012 (Fasa 1) tersebut, PBT dan PBN telah dipilih dalam kajiselidik pemantauan pelaksanaan DPN 2013 ini kerana hasil kajiselidik pada tahun 2012 mendapati peratusan pelaksanaan dasar DPN bagi kategori PBT adalah rendah iaitu 80% dalam kategori dalam perancangan (DP) dan tiada perancangan untuk dilaksanakan (TP).

Peratusan ketidaklaksanaan tersebut adalah paling tinggi berbanding dengan agensi pelaksana yang lain. Oleh itu, Kajiselidik 2013 ini akan mengenalpasti halangan pelaksanaan bagi status pelaksanaan dasar yang kurang daripada 50% iaitu berstatus DP dan TP yang mana responden kajiselidik adalah disasarkan kepada PBT dan SUK (mewakili PBN).

Manakala bagi dasar DPN yang mencapai status pelaksanaan melebihi 50% iaitu dalam kategori telah dilaksanakan (TD) dan sedang melaksanakan (SM), maka dalam Pemantauan Pelaksanaan DPN 2013 ini akan menilai tahap keberkesanannya melalui kajiselidik kepada orang awam.

RANCANGAN WILAYAH

92 KAJIAN PELAN PENGURUSAN GUNA TANAH BERSEPADU KORIDOR SUNGAI MUAR-LINGGI

Draf Laporan Akhir kajian ini telah ditambah baik dan dimantapkan bagi tempoh Januari – Julai 2013 dan telah diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP) JPBD Bil 3/2013 pada 30 September 2013.

KAJIAN PELAN PENGURUSAN KHUSUS (PEMULIHARAAN) BAGI KAWASAN TANAH TINGGI KINTA-CAMERON HIGHLANDS-LOJING

Draf Laporan Akhir kajian ini telah ditambah baik dan dimantapkan bagi tempoh Januari – Ogos 2013 dan telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP) JPBD Bil 2/2013 dan ditangguhkan sehingga rundingan bersama-sama ketiga-tiga negeri ini mencapai kesepakatan.





KAJIAN RANCANGAN WILAYAH (SELATAN KEDAH-PULAU PINANG-UTARA PERAK)

Kajian Rancangan Wilayah (Selatan Kedah-Pulau Pinang-Utara Perak) disediakan selaras dengan dasar Rancangan Fizikal Negara Pertama iaitu Dasar RFN 2, RFN 4 dan RFN 9.

Kajian ini dijalankan untuk tempoh 8 bulan bermula 8 April 2013 hingga 15 Disember 2013. Sehingga Disember 2013, kajian ini diperingkat penyediaan Draf Laporan Akhir.

Kawasan kajian Rancangan Wilayah ini meliputi tiga (3) buah negeri, sepuluh (10) daerah dan ditadbir urus oleh sembilan (9) PBT. Kajian Rancangan Wilayah ini akan memberi perincian kepada dasar dan strategi spatial wilayah, cadangan program/ projek dan peruntukan kewangan serta menjadi asas kepada proses rundingan dengan semua pihak berkepentingan.

PENUBUHAN JAWATANKUASA PERANCANG WILAYAH BAGI KAWASAN BERSEMPADAN ANTARA NEGERI SEMBILAN, MELAKA DAN JOHOR

Penubuhan JPW ini telah diwartakan pada 25 Mac 2013. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Perancang Wilayah Bagi Kawasan Bersempadanan Antara Negeri Sembilan, Melaka dan Johor ini masih belum dapat bersidang pada tahun ini kerana masih di peringkat pelantikan pengerusi dan ahli jawatankuasa.

SESI PERBINCANGAN

- i. Kajian Pelan Pengurusan Guna tanah Bersepadu Koridor Sungai Muar-Linggi
- ii. Kajian Pelan Pengurusan Khusus (Pemuliharaan) bagi Kawasan Tanah Tinggi Kinta-Cameron Highlands-Lojing
- iii. Kajian Rancangan Wilayah (Selatan Kedah-Pulau Pinang-Utara Perak)
- iv. Penubuhan Jawatankuasa Perancang Wilayah bagi Kawasan Bersempadan Antara Negeri Sembilan, Melaka dan Johor

RANCANGAN STRUKTUR

Secara amnya sejumlah 12 RS telah disediakan bagi setiap negeri di Semenanjung Malaysia. Sehingga Disember 2013 semua RS telah diwartakan.

Status kemajuan 2013

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI	RMK	BILANGAN RSN WARTA	KEMAJUAN
PERLIS	9	1	Warta No. 129 Jil. 55 No. 25 pd. 06/12/2012
KEDAH	8	1	Warta No. 68 pd. 03/02/2011
PULAU PINANG	8	1	Warta No. 286 (Jil. 51 No. 13 Tambahan No. 1) pd. 28/06/2007
PERAK	8	1	Warta No. 495 (Jil. 61 Bil. 8) pd. 10/04/2008
SELANGOR	8	1	Warta No. 1541 (Jil. 60 No. 12 Tambahan No. 3) pd. 14/6/2007
NEGERI SEMBILAN	8	1	Warta (No. 668) pd. 16/8/2007
WP.KUALA LUMPUR	8	1	Warta (PSKL 2020) PUB 423 pd. 04/11/2004
MELAKA	8	1	Warta No. 705 (Jil. 49 No. 21) pd. 13/10/2006
JOHOR	8	1	Warta (J.P.U. 20, Jld. 54 No. 13) pd. 24/06/2010
PAHANG	8	1	Warta (Jil.60 No. 1281) pd. 22/11/2007
TERENGGANU	8	1	Warta (No. 51 Jil. 60 No. 3) pd. 01/02/2007
KELANTAN	8	1	Warta (No. 1 Jil. 62) pd. 01/01/2009
JUMLAH		12	

Sumber: Unit Penyelarasan Projek, 2013



RANCANGAN TEMPATAN

Sehingga Disember 2013, sejumlah 91 RT telah disediakan bagi seluruh Semenanjung Malaysia. Sejumlah 84 RT telah diwartakan manakala tujuh (7) draf RT masih di pelbagai peringkat penyediaan dan kelulusan iaitu :

- i. RT Daerah Bandar Baru
- ii. RT Daerah Bandar Baharu,
- iii. RT MP Pulau Pinang,
- iv. RT Daerah Seberang Perai Utara,
- v. RT Daerah Seberang Perai Tengah,
- vi. RT Daerah Seberang Perai Selatan,
- vii. RT Daerah Kota Tinggi, dan
- viii. RT Kuala Lumpur

Status kemajuan sehingga Disember 2013

NEGERI	BILANGAN RT	SIAP DRT	WARTA
PERLIS	1	-	1
KEDAH	11	1	10
PULAU PINANG	4	4	-
PERAK	15	-	15
SELANGOR	13	-	13
WILAYAH PERSEKUTUAN	1	1	-
NEGERI SEMBILAN	7	-	7
MELAKA	3	-	3
JOHOR	8	1	7
PAHANG	11	-	11
KELANTAN	10	-	10
TERENGGANU	7	-	7
JUMLAH	91	7	84

Sumber: Unit Penyelarasan Projek, 2013

RANCANGAN KAWASAN KHAS

Sehingga Disember 2013, 34 Rancangan Kawasan Khas (RKK) telah disediakan di Semenanjung Malaysia. 15 RKK telah diwartakan dan 18 RKK masih di peringkat penyediaan dan kelulusan.

Status kemajuan sehingga Disember 2013

STATUS KEMAJUAN RKK			
1.	RKK Siap Warta	15	44%
2.	RKK Belum Warta	18	53%
3.	RKK Yang Digugurkan	1	3%
JUMLAH		34	100%



Sumber : Unit Penyelarasan Projek 2013



LAPORAN PENILAIAN PROGRAM

102 Pada tahun 2013, Jabatan telah membentangkan empat (4) Laporan Penilaian *Outcome* iaitu **RSN Melaka, RTD Kluang, RTD Bentong dan RTD Dungun** di peringkat Jabatan dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Laporan Penilaian *Outcome* Garis Panduan Perancangan '*Gated Community and Guarded Neighbourhood*' telah dibentangkan dalam Mesyuarat Penilaian *Outcome* Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan ICU pada 30 Julai 2013.





PUBLISITI DAN HEBAHAN

ZON TIMUR

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
i.	Majlis Perasmian Publisiti dan Penyertaan Awam Draf RKK Pengkalan Kubor	3 Dis 2013	Dewan Bunga Raya, Pantai Seri Tujoh, Tumpat
ii.	Publisiti dan Penyertaan Awam Draf RKK Pengkalan Kubor	10 Nov hingga 9 Dis 2013	Pejabat JPBD Negeri Kelantan Pejabat Majlis Daerah Tumpat
iii.	Majlis Pelancaran Publisiti Draf RKK Pusat Bandar Kuala Terengganu 2030	15 Dis 2013	Pusat Konvensyen, Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu
iv.	Publisiti Draf RKK Pusat Bandar Kuala Terengganu 2030	24 Nov hingga 23 Dis 2013	Lobi Pejabat Satelit, JPBD Negeri Terengganu Lobi Pejabat MBKT Lobi Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Terengganu
v.	Majlis Perasmian Publisiti Draf RKK Pusat Pentadbiran Daerah Kuala Nerus	19 Sep 2013	Dewan Sivik Padang Nenas, Kuala Nerus, Kuala Terengganu
vi.	Publisiti Draf RKK Pusat Pentadbiran Daerah Kuala Nerus	2 Sep hingga 1 Okt 2013	Pejabat JPBD Negeri Terengganu Pejabat MBKT Pejabat MBKT Cawangan Utara
vii.	Publisiti Awal Rancangan Kawasan Khas Rantau Panjang, Kelantan	4 Sep 2013	Bazar Siti Fatimah, Rantau Panjang
viii.	Publisiti Awal Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands (Penggantian) 2014-2020	10 Sep 2013	Kelab Golf Sultan Ahmad Shah Cameron Highlands, Pahang Darul Makmur

Sumber: Pejabat Projek Zon Timur, 2013





ZON SELATAN

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
i.	Publisiti Draf RKK Kuala Linggi, Melaka	13 Dis 2013	Tapak RTC Kuala Linggi
ii.	Publisiti Draf RKK Melaka <i>World Solar Valley</i> , Melaka	16 Dis 2013	Tapak Melaka <i>World Solar Valley</i> (MWSV)

Sumber: Pejabat Projek Zon Selatan, 2013

ZON UTARA

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
i.	Publisiti dan Penyertaan Awam RKK Pusat Bandar Kuala Perlis	8 Dis 2013 – 7 Jan 2014	Terminal Jeti Penumpang Kuala Perlis, Perlis
ii.	Publisiti dan Penyertaan Awam RKK Pulau Tuba, Langkawi	23 Sept – 22 Okt 2013	Jeti Penumpang Pulau Tuba, Langkawi, Kedah
iii.	Publisiti dan Penyertaan Awam RTD Bandar Baharu, Kedah	6 Okt – 7 Nov 2013	Dewan Seri Serdang, Serdang, Bandar Baharu, Kedah

Sumber: Pejabat Projek Zon Utara, 2013

ZON TENGAH

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
i.	Publisiti Awal dan <i>Focus Group Discussion</i> (FGD) Rancangan Tempatan Kampar 2030 (2014)	8 dan 9 September 2013	Rumah Rehat Kampar dan Dewan Kemas Gopeng
ii.	Publisiti Awal dan <i>Focus Group Discussion</i> (FGD) Rancangan Tempatan Majlis Daerah Batu Gajah 2030 (2014)	27 Julai 2013	Majlis Daerah Batu Gajah
iii.	Program Publisiti dan Penyertaan Awam Rancangan Kawasan Khas Pekan Ipoh-Bandar Warisan Bijih Timah	12 Disember 2013	Hotel Syuen Ipoh, Perak
iv.	Program Publisiti dan Penyertaan Awam Rancangan Kawasan Khas Persisiran Tenggara Pulau Pangkor 2025	14 Februari 2013	Majlis Perbandaran Manjung

Sumber: Pejabat Projek Zon Tengah, 2013



KAJIAN PROSEDUR DAN SEBARAN

STATUS GARIS PANDUAN PERANCANGAN

110 Sebanyak 17 garis panduan perancangan telah dikaji semula. Daripada jumlah tersebut sebanyak 15 GPP telah dibentang di mesyuarat JPP KPKT iaitu:

GPP (SEMAKAN SEMULA)

- i. GPP Laluan Kemudahan Utiliti
- ii. GPP Tokong, Kuil, Gereja dan Gurdwara
- iii. GPP Pembangunan Pulau-pulau dan Taman Laut
- iv. GPP Masjid dan Surau
- v. GPP Perumahan
- vi. GPP Tanah Perkuburan dan Krematorium
- vii. GPP Perdagangan
- viii. GPP Tempat Letak Kereta
- ix. GPP Tapak Utiliti dan Infrastruktur
- x. GPP Kawasan Sensitif Alam Sekitar
- xi. GPP Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*)

- xii. GPP Taman Tema
- xiii. GPP Taman Atas Bumbung
- xiv. GPP Padang Golf
- xv. GPP Kemudahan Masyarakat

Terdapat 2 (dua) GPP yang telah dikaji semula yang belum dibentang di Mesyuarat JPP KPKT iaitu :

- i. GPP Tanah Lapang dan Kawasan Rekreasi
- ii. GPP Perindustrian

GPP PERANCANGAN BAHARU

Sehingga Disember 2013, sebanyak 11 garis panduan perancangan baharu telah disediakan. Daripada jumlah tersebut dua (2) GP baharu telah dibentang di Mesyuarat JPP KPKT :

- i. GPP Lorong Belakang
- ii. GPP Fizikal Warga Emas

Sebanyak enam (6) GPP baharu telah dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri dan Mesyuarat Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) dan juga Mesyuarat MPFN iaitu :

- i. GPP Papan Luar Iklan
- ii. GPP *Gated Community and Guarded Neighbourhood*
- iii. GPP Pengenalpastian bagi Pembangunan Semula Kawasan *Brownfield*
- iv. GPP Kejiranan Hijau
- v. GPP Penubuhan Tadika dan Taska
- vi. GPP Ternal Kenderaan Berat



Kesemua enam (6) GPP ini telah diterbitkan untuk digunapakai oleh PBN, PBT dan agensi-agensi berkaitan.

Manakala selebihnya iaitu tiga (3) GPP baharu masih lagi dalam pelbagai peringkat penyediaan iaitu :

- i. GPP Reka bentuk Bandar Padat dan Berdaya Huni
- ii. GPP Chalet Atas Air
- iii. GPP *Ubiquitous City* (U-City)



SEMAKAN AKTA

Status semakan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] adalah seperti berikut :

TARIKH	STATUS
Tarikh Surat : 28 Februari 2013 (Serahan Tangan)	Memorandum daripada Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan: Rang Undang-Undang Perancangan Bandar Dan Desa (Pindaan) 2012 telah diedarkan kepada enam (6) Kementerian/Agensi Pusat berkaitan untuk mendapatkan ulasan.
11 Mac 2013	Perbincangan di antara JPBD dan PUU KPKT telah diadakan bagi membincangkan isu berbangkit / ulasan oleh Jabatan Peguam Negara.
14 Mac 2013	JPBD telah mengemukakan surat kepada Bahagian Korporat KPKT untuk pemakluman, menarik balik dan mengedar semula Memorandum Jemaah Menteri bertajuk RUU Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2012.
11 November 2013	Draf Rang Undang-Undang Perancangan Bandar Dan Desa (Pindaan) 2012 yang baru telah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara.
19 November 2013	Memorandum daripada Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan : Rang Undang-Undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2012 telah diedarkan semula pada 19 November 2013 untuk mendapatkan ulasan daripada enam (6) Kementerian/Agensi terlibat iaitu: a. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri b. Jabatan Peguam Negara c. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar d. Kementerian Wilayah Persekutuan e. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air f. Kementerian Kerja Raya
6 Disember 2013	Empat (4) Kementerian/Agensi terlibat telah mengemukakan ulasan Memorandum Jemaah Menteri seperti berikut : a. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri b. Jabatan Peguam Negara c. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar d. Kementerian Wilayah Persekutuan

Manakala bagi pindaan Akta Perancang Bandar 1995 [Akta 538] adalah seperti berikut :

TARIKH	STATUS
18 Januari 2013	Mesyuarat Kemajuan Pasukan Petugas : Makmal Liberalisasi Sektor Perkhidmatan Perancangan Bandar Bil. 1/2013 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Tanjung, JPBDSM bagi membentangkan kedudukan semasa cadangan pindaan Akta 538.
07 Februari 2013	Kertas Cadangan Pindaan Akta 538 diserahkan kepada Penasihat Undang-Undang (PUU) KPKT untuk semakan bagi persediaan Mesyuarat Jawatankuasa Dasar (JKD) dan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP) KPKT.
25 Februari 2013	Pembentangan cadangan pindaan Akta 538 di Mesyuarat Jawatankuasa Dasar (JKD) KPKT Bil.1/2013.
29 Februari 2013	Pembentangan cadangan pindaan Akta 538 di Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP) KPKT Bil.2/2013.
10 Mei 2013	Pembentangan cadangan pindaan Akta 538 Mesyuarat Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) Bil. 1/2013.
10 Jun 2013	Kertas Cadangan Pindaan Akta 538 diserahkan kepada Penasihat Undang-Undang (PUU) KPKT untuk semakan.
17 Oktober 2013	Kertas Cadangan Pindaan Akta 538 diserahkan kepada Penasihat Undang-Undang (PUU) KPKT untuk semakan dan persediaan penyediaan RUU Perancangan Bandar (pindaan).

Sumber: Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan, 2013

PANDUAN PELAKSANAAN AKTA 172

PPA 172 : NOTIS PEMBELIAN

Tujuan

- i. Panduan Pelaksanaan Akta 172 (PPA 172) Notis Pembelian adalah selaras dengan keperluan seksyen 37 Akta 172. Merujuk Akta 172, notis pembelian adalah notis yang dikemukakan oleh tuan punya tanah berdaftar kepada pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT), menghendaki PBPT membeli tanahnya disebabkan tindakan PBPT (menolak kebenaran merancang atau memberi notis rekuisisi) yang telah menyebabkan tanahnya tidak lagi boleh dimajukan untuk kegunaan berfaedah yang munasabah. Sekiranya Pihak Berkuasa Negeri (PBN) bersetuju menerima notis pembelian, PBN hendaklah mengarahkan PBPT memulakan langkah untuk mengambil tanah itu mengikut peruntukan Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486).
- ii. Panduan ini akan menggariskan rangka perundangan utama bagi pelaksanaan notis pembelian yang keperluan umum, proses dan prosedur notis pembelian serta amalan pihak berkuasa perancang tempatan dalam melaksanakan notis pembelian.
- iii. Memberi panduan kepada PBPT dan tuan punya tanah berdaftar dalam pelaksanaan prosedur notis pembelian selaras dengan seksyen 37 Akta 172.
- iv. Memberi kefahaman kepada PBPT, tuan punya tanah berdaftar dan pihak yang berkaitan mengenai peruntukan seksyen 37 Akta 172;
- v. Memastikan pelaksanaan undang-undang yang telah diterima pakai dilaksanakan dan memastikan hak tuan punya tanah terjamin.

TARIKH	STATUS
20- 22 Mei 2013	Bengkel Draf PPA di Kota Bharu, Kelantan
8 Mei 2013	Penyediaan Laporan Awal
13 September 2013	Penyediaan Laporan Penemuan dan Cadangan Awal
25 September 2013	Mesyuarat Pasukan Petugas bersama perunding
21 Oktober 2013	Mesyuarat Teknikal di JPBD (IP)



MESYUARAT PENGARAH NEGERI JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

Bertujuan membincangkan penyelarasan dan penyeragaman dalam melaksanakan peruntukan-peruntukan di bawah Akta 172 bagi semua negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Bagi tahun 2013, Mesyuarat Pengarah Negeri telah diadakan sebanyak empat (4) kali iaitu :

1. Bil.1/2013 pada 19 Mac 2013 di Hotel Equatorial, Melaka.
2. Bil.2/2013 pada 14 Mei 2013 di Hotel Holiday Villa & Suite, Langkawi.
3. Bil.3/2013 pada 26-27 Ogos 2013 di Hotel Majestic Riverside, Sarawak
4. Bil.4/2013 pada 6 Disember 2013 di Hotel Grand Bluewave, Shah Alam, Selangor

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 18 kertas telah dibentangkan dan perkara yang dibincangkan merangkumi perkara berkaitan:

1. Perancangan dan Pembangunan Negeri Melaka;
2. *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi permohonan di bawah Perenggan 2A(2)(b) Akta 172;
3. eMPFN;
4. Data Centre Repository (DCR) – Peranan dan Cabaran Pelaksanaan oleh JPBD Negeri dan OSC; dan
5. Ketetapan Pelaksanaan Penilaian Kesan Sosial (SIA) di bawah Subseksyen 21A(1A) Akta 172;
6. Perancangan dan Pembangunan Langkawi;
7. Garis Panduan Sumbangan Pembinaan AC/DC Lane di Negeri Pahang;
8. Manual Penilaian Kesan Sosial (SIA);
9. Ketetapan Pelaksanaan Penilaian Kesan Sosial di bawah Subseksyen 21A(1A) Akta 172;

10. Aspek-aspek Perundangan dalam Penyediaan Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas;
11. Sistem Perancangan Negeri Sarawak;
12. Mekanisme Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan
13. Status Pelaksanaan Lembaga Rayuan Di Semenanjung Malaysia;
14. Pelaksanaan Lembaga Rayuan Negeri Selangor dan Kes-kes Terpilih;
15. Keperluan Pelaporan Pemantauan Pelaksanaan Projek Rancangan Tempatan Secara Berkala;
16. Pulau Mutiara disebalik Pembangunan Selangor : Permatang Kuarza Genting Klang (PKGK) dan Kampus FRIM;
17. Manual Pemantauan dan Penilaian *Outcome* Rancangan Pemajuan 2013 dan
18. Status Pelaporan Kawasan lapang di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Sehingga Jun 2013.

KAJIAN SISTEM PERANCANGAN BERSEPADU DI MALAYSIA

Kajian ini mengkaji peruntukan berkaitan dengan perancangan yang terkandung dalam undang-undang yang berkuat kuasa di semua negeri di Malaysia. Ianya mencadangkan penyelarasan peruntukan undang-undang perancangan demi mewujudkan kerangka undang-undang yang mudah difahami dan seragam. Kajian ini akan menjadi pemangkin bagi pelaksanaan sistem perancangan bersepadu di Malaysia bagi mempromosikan pembangunan mampan.

Status Kajian adalah seperti berikut :

TARIKH	STATUS
8 Mei 2013	Penyediaan Laporan Awal
3 Jun 2013	Mesyuarat JK Teknikal Bagi Laporan Awal Kajian Sistem Perancangan Bersepadu di Malaysia Bil.1/2013
14 Jun 2013	Mesyuarat JK Teknikal Bagi Laporan Awal Kajian Sistem Perancangan Bersepadu di Malaysia Bil.2/2013
7 Ogos 2013	Penyediaan Laporan Penemuan dan Cadangan Awal
4-6 September 2013	Bengkel telah diadakan di Vistana Hotel, Kuala Lumpur
11 Oktober 2013	Mesyuarat JK Teknikal Bagi Laporan Penemuan Kajian Sistem Perancangan Bersepadu di Malaysia Bil. 3/2013

PROGRAM SEBARAN DASAR AKTA 172

Program ini bertujuan memberi pemahaman, pengetahuan serta meningkatkan tahap kompetensi pegawai perancang bandar dan desa di pihak (PBT), JPBD Negeri, Bahagian Rancangan Pembangunan dan Bahagian-bahagian di JPBD IP.

Pada tahun 2013, pelaksanaan bagi Program Sebaran telah dijalankan sebanyak dua (2) siri iaitu :

BIL	TARIKH	TEMPAT
Siri 1	9-11 September 2013	Hotel Grand Continental, Kuala Terengganu (bagi Zon Timur & Utara)
Siri 2	7-9 Oktober 2013	Hotel Sentral, Johor Bahru (bagi Zon Tengah dan Selatan)

PROGRAM *EXPERT TALK* DAN *TEACH IN*

Japan – Malaysia *Symposium* *on Sustainable Cities in Asia*

22 Januari 2013

Hotel Berjaya, Times Square, Kuala Lumpur

118

Merupakan program perkongsian ilmu pengetahuan melalui kerjasama Jepun dan Malaysia dalam usaha mewujudkan persekitaran pembangunan bandar mampan di negara ini. Seramai 224 orang peserta daripada semua lapisan pegawai JPBD Semenanjung Malaysia, JPBD Negeri, PBT dan pelbagai agensi telah hadir. Perkara-perkara yang dibentangkan seperti berikut :

- i. Keynote Speech yang dipengerusikan oleh Profesor Dr. Ho Chin Siong dari Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia.
